

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

SOALAN : 342

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional pihak Kerajaan menghentikan siasatan ke atas kehilangan pesawat MH370. Adakah tindakan ini dilihat selari dengan pendirian pemimpin Kerajaan pada hari ini yang sebelum ini bersungguh-sungguh mengutarakan isu keselamatan dan kedaulatan negara yang mesti diutamakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspirasi untuk mencari pesawat MH370 tidak akan diabaikan. Dalam hubungan ini, sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) diperoleh, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Siasatan teknikal kemalangan dan insiden pesawat MH370 telah dilaksanakan berlandaskan *Annex 13 (Convention on International Civil Aviation, Aircraft Accident and Incident Investigation)* mulai 25 April 2014 hingga 29 Mei 2018. Siasatan ini dikendalikan oleh pasukan penyiasat yang ditubuhkan mengikut Annex 13 tersebut yang dikenali sebagai *Malaysian International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 13 Safety Investigation Team For MH370*.

Pasukan penyiasat telah mengemukakan Laporan Siasatan Kemalangan Udara Pesawat MH370 kepada YB Menteri Pengangkutan dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Julai 2018. Jemaah Menteri juga telah mengambil maklum akan hasil penemuan laporan siasatan tersebut.

Penyediaan laporan siasatan ini membuktikan komitmen dan ketelusan Malaysia dalam mematuhi tanggungjawabnya sebagai salah sebuah Negara pejanji Konvensyen Chicago dan Aneks 13. Pasukan Penyiasat telah diberikan kebebasan sepenuhnya dalam menjalankan siasatan dan tiada sebarang pindaan yang dibuat ke atas laporan tersebut. Sehubungan itu, pemberhentian siasatan juga dibuat berasaskan kepada *Annex 13 (Convention on International Civil Aviation, Aircraft Accident and*

Incident Investigation) dan ia selari dengan pendirian pemimpin Kerajaan pada hari ini juga bersungguh-sungguh mengutarakan isu keselamatan dan kedaulatan negara yang mesti diutamakan.

Dalam hubungan ini, Kerajaan sedang meneliti *Safety Recommendations* yang terkandung dalam laporan tersebut dan akan mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan yang sewajarnya bagi mengelak kemalangan udara pada masa hadapan.